JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA




# LAPORAN TAHUNAN 2022

Penguatkuasaan Perburuhan
Pemangkin Kecemerlangan Negara

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2022

Penguatkuasaan Perburuhan
Pemangkin Kecemerlangan Negara

muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# RASIONAL KULIT BUKU




Buku Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) 2022 mengetengahkan konsep kelopak bunga yang didominasi oleh aktiviti penguatkuasaan yang giat dilaksanakan oleh jabatan. Turut dipaparkan bangunan Ibu Pejabat JTKSM di Putrajaya yang menjadi tunjang dalam pelaksanaan penguatkuasaan perburuhan negara.

Warna putih dan kelabu yang digunakan sebagai latar kulit buku ini menggambarkan keseimbangan jabatan dalam melindungi hak dan kebajikan majikan dan pekerja negara ini secara berintegriti.

Penggunaan warna biru pada tajuk dan tema buku pula melambangkan iltizam, kesepaduan dan keyakinan setiap anggota jabatan dalam menjalankan tanggungjawab kepada rakyat.

**"Penguatkuasaan Perburuhan Pemangkin Kecemerlangan Negara"**

# KANDUNGAN


1 UNTAIAN KATA, SIMPULAN RASA 09

2 PROFIL KORPORAT 13
- 2.1 Misi 14
- 2.2 Visi 14
- 2.3 Objektif 14
- 2.4 Dasar Kualiti 14

3 TADBIR URUS 15
- 3.1 Piagam Pelanggan 16
- 3.2 Pengurusan Tertinggi 17
- 3.3 Carta Organisasi 18
- 3.4 Bahagian Ibu Pejabat 20

4 SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2022 27

5 PENGUATKUASAAN 29
- 5.1 Undang-Undang Yang Dikuatkuasakan 30
- 5.2 Piawaian Perburuhan Antarabangsa 31
- 5.3 Pemeriksaan 32
  - (i) Pemeriksaan Berkanun
  - (ii) Pemeriksaan Estet
  - (iii) Pemeriksaan Penginapan Pekerja
- 5.4 Operasi Penguatkuasaan 45
  - (i) Operasi Penguatkuasaan Bersepadu
  - (ii) Penguatkuasaan ATIP
  - (iii) Penguatkuasaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
  - (iv) Operasi *One Visit Policy*

5.5 Permit, Pelesenan dan Perakuan 49
(i) Permit Perburuhan
(ii) Perakuan Penginapan Pekerja
(iii) Pelesenan Agensi Pekerjaan Swasta
(iv) Kelulusan Pelan Bangunan dan Sijil Layak Menduduki
5.6 Pengendalian Aduan 56
(i) Aduan Perburuhan
(ii) Aduan Gangguan Seksual
5.7 Kertas Siasatan, Kompaun dan Pendakwaan 58
5.8 Mahkamah Buruh 59
(i) Kes Buruh
5.9 Gaji Minimum 60
5.10 Pemberhentian Pekerja 61
5.11 Pindaan Undang-Undang 64
(i) Akta Kerja 1955 dan Peraturannya
5.12 Pengurusan Pekerja Asing 65
(i) Penggajian Pekerja Asing
(ii) Pertukaran Majikan Menggajikan Pekerja Asing
(iii) Pekhidmat Domestik Asing
(iv) *Demand Letter Attestation* Bagi Pengambilan Pekerja Asing Warganegara Nepal
(v) Pampasan Pekerja

6 **PROMOSI** 70
6.1 Pendidikan Perburuhan 71
(i) Penerbitan
(ii) Dialog Industri
(iii) Khidmat Nasihat Perburuhan
6.2 Program Kolaborasi Strategik Berkaitan Pekerjaan 74
6.3 Jawatankuasa Teknikal Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan 77

7 **PENGURUSAN PENTADBIRAN** 79
7.1 Pengurusan Kewangan 80
7.2 Latihan 81
7.3 Penghargaan dan Pengiktirafan 82
(i) Penulisan Artikel Terbaik
(ii) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

8 **PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT** 85

8.1 Sistem Sedia Ada Dalam Jabatan 86

(i) *eJTKSM's Appointment System (eJAS)*

(ii) Portal JTKSM

(iii) *Labour Market Database (LMD)*

(iv) Sistem *e-Labour Court (eLC)*

(v) Sistem Permohonan Perakuan Penginapan Akta 446

9 **PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN** 87

9.1 Pelan Strategik JTKSM 2021-2025 88

9.2 Pencapaian *Key Performance Indicator (KPI)* Jabatan 2022 89

9.3 *Mesyuarat Kajian Separuh Penggal 2022* 90

9.4 Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan 2023 91

10 **MEMORI** 93

11 **PEJABAT JTKSM** 113

12 **SIDANG REDAKSI** 118

# UNTAIAN KATA, SIMPULAN RASA




Bismillahirrahmanirrahim
Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera

Lafaz kesyukuran seluas lautan kita munajatkan kepada Yang Maha Kuasa, atas nikmat peluang dan rezeki yang membolehkan kita menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2022. Naskah ini semestinya cukup istimewa kerana ia adalah bukti bercetak bahawa kita telah menggerakkan jabatan bukan sahaja dalam ruang lingkup fungsi jabatan tetapi kita telah melaksanakan lebih daripada jangkaan (*expectation*) yang ditetapkan dalam indeks prestasi utama (*Key Performance Index* – KPI) kementerian.

Setinggi ucapan tahniah dan terima kasih saya zahirkan kepada sidang redaksi yang terlibat secara terus mahupun yang membantu sepanjang proses penghasilan dan penerbitan Buku Laporan Tahunan 2022 ini.

Tahun 2022 boleh ditakrifkan sebagai tahun peralihan untuk kita kembali kepada situasi normal seperti sebelum tercetusnya wabak Covid-19 pada tahun 2020. Keadaan ini disokong dengan pengumuman kerajaan pada awal tahun 2022 iaitu negara beralih dari situasi pandemik kepada endemik.

Selaras dengan peralihan tersebut, kita melihat bahawa tahun 2022 bukan sahaja suatu tahun yang cukup mencabar bahkan juga merupakan penanda aras kembalinya kita kepada *'business as usual'* dan semestinya corak kerja kita turut berubah sekali lagi. Sepanjang 2 tahun bergelut pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kita bekerja secara bergilir dari rumah (*work from home*) dan juga pejabat. Manakala gerak kerja pula dipandu secara atas talian khususnya mesyuarat dan sebarang bentuk perbincangan.

Namun begitu, selaku pemegang amanah dalam memastikan keharmonian dan keberlangsungan tadbir urus perburuhan, kita sentiasa siap siaga dalam mendepani apa juga bentuk cabaran yang diberikan. Berpasakkan kepada tema "Penguatkuasaan Perburuhan Pemangkin Kecemerlangan Negara", kita melaksanakan pelbagai aktiviti dan program jabatan dengan iltizam yang tinggi sama ada dalam penguatkuasaan, pemeriksaan mahupun pendidikan perburuhan.

Sepanjang tahun 2022, pelbagai isu dan cabaran kita perlu hadapi dan tangani. Ini termasuklah arahan untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan pendidikan perburuhan secara optimum dengan sumber yang terhad sama ada dari aspek kekuatan pegawai mahupun kewangan. Alhamdulillah, walaupun perkara ini sangat mencabar tetapi tidak mustahil dan kita berjaya melaksanakan aktiviti jabatan dengan patuh terhadap arahan yang diberikan. Jabatan perlu mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan dengan tenaga pegawai yang terhad adalah suatu realiti yang perlu kita terima dengan berlapang dada. Syukur ke hadrat Ilahi kita tetap dapat menggalas tanggungjawab dengan kudrat tenaga pegawai sedia ada.

Selain itu, kita juga berdepan cabaran dalam pelaksanaan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang pada awalnya jadual penguatkuasaan adalah pada 1 September 2022 tetapi ditangguh kepada 1 Januari 2023. Namun demikian, penangguhan ini hakikatnya membawa rahmat kepada kita kerana ia memberikan masa untuk para pegawai jabatan memahami sepenuhnya pindaan dalam akta dan membolehkan kita memberi penerangan yang jelas kepada semua pemegang taruh khususnya majikan dan pekerja. Penangguhan ini juga turut memberikan ruang kepada para majikan membuat penyelarasan khususnya dari aspek jadual kerja ekoran pengurangan masa bekerja dari 48 jam kepada 45 jam seminggu.

Di samping itu, tahun 2022 menyaksikan *landscape* perburuhan negara mengalami perubahan dalam pelbagai aspek yang bukan sahaja melibatkan pemain dan komuniti industri bahkan kita selaku penggerak pentadbiran perburuhan negara. Penguatkuasaan yang kita lakukan bukan sekadar menitikberatkan pematuhan terhadap akta yang sedang berkuatkuasa. Sebaliknya masyarakat industri perlu bersama mewujudkan persekitaran perburuhan yang selamat dan terhindar daripada sebarang wabak merbahaya pada masa hadapan. Hasilnya, aktiviti penguatkuasaan bagi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pindaan) 2019 [Akta 446] dilaksanakan secara berganda berbanding pada tahun 2021.

Kita juga mempergiatkan penguatkuasaan terhadap semua akta di bawah bidang kuasa jabatan sepanjang tahun 2022 sebagai langkah *preventive* (pencegahan) agar para majikan tidak terus menerus melakukan pelanggaran undang-undang. Langkah ini juga adalah antara mekanisme jabatan dalam usaha membendung isu buruh paksa yang rancak diperkatakan pada tahun sebelumnya.

Secara ringkasnya, Tahun 2022 merupakan tahun yang sangat menduga kredibiliti kita sebagai penggerak tadbir urus perburuhan negara. Kita perlu melaksanakan semua aktiviti penguatkuasaan dengan penuh dinamik, tuntas dan agresif. Ini bagi mempamerkan bahawa kita bergerak seiring dengan peralihan corak pentadbiran negara.

Sebelum saya akhiri ruangan ini, selaku ketua jabatan saya ingin merakamkan rasa kebanggaan terhadap usaha dan pencapaian yang ditunjukkan oleh semua kakitangan JTKSM tidak kira di ibu pejabat, negeri mahupun cawangan sepanjang Tahun 2022. Tahniah dan syabas atas segala kerja keras anda semua dan ucapan terima kasih tidak cukup dalam menggambarkan penghargaan untuk kerjasama yang diberikan. Sesungguhnya, hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu memberikan sebaik-baik ganjaran atas bakti dan pengorbanan yang anda semua lakukan dalam mendukung kelestarian fungsi jabatan. Malahan, komitmen yang ditunjukkan oleh semua kakitangan JTKSM telah berjaya menterjemah tema “Penguatkuasaan Perburuhan Pemangkin Kecemerlangan Negara”.

Harapan saya semoga dengan terbitnya Buku Laporan Tahunan 2022 ini, ia akan menjadi sumber inspirasi untuk kita tetap teguh bersama bagi memastikan jabatan kekal relevan, pantas, tuntas dan agresif. Ini merupakan elemen penting dalam menjayakan semua aktiviti jabatan termasuklah penguatkuasaan, pemeriksaan dan pendidikan perburuhan.

Sekian, terima kasih.



Dato’ Haji Asri Bin Ab Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

# PROFIL KORPORAT

# MISI & VISI
## OBJEKTIF & DASAR KUALITI

### MISI

Memperkasakan pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan para majikan.

### VISI

Peneraju utama kecemerlangan pentadbiran perburuhan di sektor swasta.

### OBJEKTIF

i. Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri.

ii. Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi.

iii. Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

### DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.

# TADBIR URUS

# PIAGAM PELANGGAN

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah bertanggungjawab ke atas kebajikan pekerja dan kepentingan majikan serta pelaksanaan dasar-dasar perburuhan negara melalui pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang buruh dan langkah-langkah promosi yang berkesan bagi mewujudkan tenaga kerja yang komited dan produktif. Dengan ini, kami berjanji akan memberi perkhidmatan yang cekap dan cepat, jujur dan amanah serta ikhlas dan mesra untuk memenuhi kehendak pelanggan seperti berikut:

1. Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengaduan.
2. Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisme Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan.
3. Memproses permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 14 hari bekerja.
4. Memproses permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 dalam tempoh 14 hari bekerja.
5. Memproses dan mengeluarkan syor dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap bagi permohonan penggajian pekerja asing diterima.
6. Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra.
7. Memberi layanan mesra di kaunter kepada setiap pelanggan jabatan.

# PENGURUSAN TERTINGGI



**TUAN HAJI MOHD ASRI BIN ABDUL WAHAB**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

**ENCIK T. SHANMUGAM**

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Pembangunan)

**DATO' HAJI ASRI BIN AB RAHMAN**

Ketua Pengarah



**DATO' HAJI ASRI BIN AB RAHMAN**
Ketua Pengarah
Jusa B



**TUAN HAJI MOHD ASRI BIN ABDUL WAHAB**
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)
Jusa C



**ENCIK T. SHANMUGAM**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan Dan Pembangunan)
Jusa C



**TUAN HAJI YUSOFF BIN HARUN**
Pengarah
Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
S54



**ENCIK ZAINI BIN YAACOB**
Pengarah
Bahagian Perundangan Dan Penguatkuasaan
S54



**ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM**
Pengarah
Bahagian Standard Perburuhan
S54



**ENCIK AHMAD MUDI ONN BIN NOR**
Pengarah
JTK Selangor
S54



**TUAN HAJI MUHAMMAD FAUZI BIN HAJI ABD. GHANI**
Pengarah
JTK Perak
S54



**TUAN HAJI NASIR BIN HAJI KASSIM**
Pengarah
JTK Johor
S54



**ENCIK PEZMAN BIN CHE HUSSIN**
Pengarah
JTK Pahang
S52



**TUAN HAJI MOHD HAJAZY BIN JUSOH**
Pengarah
JTK Terengganu
S48



**ENCIK ISKANDAR BIN JASSA**
Pengarah
JTK Perlis
S48



**ENCIK ARZANIL BIN BAHADON**
Pengarah
JTK Kedah
S48

# CARTA ORGANISASI



**ENCIK ZAIHAS MOHD SYAKIR BIN HASFAR**

Pegawai Undang-Undang
L44



**CIK JENNIFER BINTI ABDUL**

Pegawai Perhubungan Awam
S44



**PUAN MERIAM BINTI MOHD NOOR**

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan
S52



**PUAN AZMAH BINTI BAKHIR**

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
M52



**ENCIK ROSLAN BIN BAHARI**

Pengarah
Bahagian Pekerja Asing
S52



**ENCIK CHE MOHD ROKMAN BIN CHE AWANG**

Pengarah
JTK WP Kuala Lumpur
S54



**YM ENGKU ADLIN BIN ENGKU MOHD ARIFFIN**

Pengarah
JTK Pulau Pinang
S54



**ENCIK S. THARU MARAJAN**

Pengarah
JTK Negeri Sembilan
S52



**ENCIK SULKIFLI BIN SILANG**

Pengarah
JTK Kelantan
S48



**PUAN JOHANA BINTI BAKAR**

Pengarah
JTK Melaka
S48



**ENCIK AG ISMAIL BIN AG TANGAH**

Pengarah
JTK WP Labuan
S44

# BAHAGIAN IBU PEJABAT

# BAHAGIAN
# PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan undang-undang perburuhan supaya bersesuaian dengan keperluan serta perkembangan semasa bagi memelihara hak dan kebajikan pekerja dan majikan di negara ini.



**ENCIK ZAINI BIN YAACOB**
Pengarah

### UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

i. Unit Perundangan
- Pindaan Undang-Undang
- Kes Buruh
- Permit

ii. Unit Penguatkuasaan
- Pendakwaan dan Kompaun
- Pasukan Khas Penguatkuasaan dan ATIP

---

### FUNGSI BAHAGIAN

i. Mengurus dan menyelaras segala urusan berhubung undang-undang perburuhan dan peraturan-peraturan termasuk:
- Menggubal undang-undang perburuhan dan peraturan-peraturan baharu.
- Meneliti, menyemak dan meminda undang-undang perburuhan, peraturan-peraturan dan perintah sedia ada.

ii. Mengulas dan menyediakan maklum balas interpretasi peruntukan undang-undang di bawah bidang kuasa jabatan dan memberi khidmat nasihat kepada bahagian-bahagian lain di Ibu Pejabat, pejabat negeri dan cawangan, organisasi dan individu dalam perkara yang melibatkan isu-isu perundangan.

iii. Menyelaras perkara berkaitan dengan perundangan yang melibatkan bidang kuasa jabatan meliputi aspek prosiding Mahkamah Buruh, kes-kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Buruh di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan serta kes-kes saman penghutang penghakiman.

iv. Mengumpul, menganalisis dan mengedar keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Perusahaan berkaitan isu-isu yang melibatkan undang-undang perburuhan ke pejabat-pejabat negeri dan cawangan.

v. Memantau dan mengurus pengeluaran permit perburuhan.

vi. Memantau penggajian pekerja di sektor swasta supaya tidak ditindas dan mengemukakan syor-syor serta merancang strategi untuk memperbaiki sebarang kelemahan dalam kaedah penggajian sedia ada.

# BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau aktiviti berkaitan dengan perlindungan kebajikan pekerja bagi mewujudkan suasana perburuhan yang adil dan harmoni. Ini bagi memastikan majikan mematuhi piawaian perburuhan di bawah undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan.



**ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM**
Pengarah

**UNIT DI BAWAH BAHAGIAN**

i. Unit Tindakan Perburuhan
  - Siasatan Aduan
  - Pemeriksaan Berkanun

ii. Unit Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja Estet

iii. Unit Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya

iv. Unit Parlimen dan Promosi

**FUNGSI BAHAGIAN**

i. Menyediakan kertas-kertas cadangan, kertas kerja, kertas kabinet, kertas jemaah menteri dan surat-surat pekeliling berkaitan dasar-dasar perburuhan bagi kegunaan Jabatan, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain.

ii. Menyediakan maklumat terkini kepada *International Labour Organization* (ILO) berkaitan hal-hal perburuhan dan konvensyen yang diratifikasikan oleh negara.

iii. Menyediakan maklumat yang diperlukan bagi isu-isu yang melibatkan hal-hal perburuhan negara yang dibahaskan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

iv. Memastikan kebajikan pekerja-pekerja di sektor swasta dilindungi selaras dengan standard minimum yang ditetapkan di bawah undang-undang perburuhan.

v. Merancang dan menggubal program-program untuk meningkatkan kualiti kehidupan pekerja-pekerja sektor perladangan dari segi perumahan dan kemudahan-kemudahan asas.

vi. Merancang dan menyelaras aktiviti pembasmian dan menangani gangguan seksual di tempat kerja.

vii. Membantu menangani isu yang dibangkitkan pelanggan melalui aduan berkaitan haknya di bawah undang-undang perburuhan.

viii. Menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan perburuhan.

ix. Menyelaras pelaksanaan semua dasar, arahan kerja dan surat pekeliling.

x. Menyelaras serta menguruskan aktiviti berkaitan pengeluaran kelulusan dan perakuan penginapan pekerja.

# BAHAGIAN
# PEKERJA ASING

Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan memantau pengurusan penggajian pekerja asing yang bekerja di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.



**ENCIK ROSLAN BIN BAHARI**
Pengarah

**UNIT DI BAWAH BAHAGIAN**

i. Unit Kawal Selia Penggajian Pekerja Asing
ii. Unit Pampasan dan Kebajikan Pekerja

---

**FUNGSI BAHAGIAN**

i. Merancang, menyelaras, mengurus dan memantau hal-ehwal berkaitan dengan pelaksanaan dasar penggajian pekerja asing.

ii. Menyelaras dan mengurus semakan dasar penggajian pekerja asing sedia ada.

iii. Menyelaras, mengurus dan memantau permohonan penggajian pekerja asing.

iv. Memantau penggajian pekhidmat domestik asing.

v. Mengurus dan memantau pengurusan kewangan pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952.

BAHAGIAN
# DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau hala tuju dan pelan strategik jabatan ke arah pencapaian objektif organisasi yang cemerlang.



**TUAN HAJI YUSOFF BIN HARUN**
Pengarah

**UNIT DI BAWAH BAHAGIAN**

i. Unit Data dan Analisis
ii. Unit Dasar dan Transformasi
iii. Unit Teknologi Maklumat
iv. Unit Pembangunan dan Pengurusan Kualiti

---

**FUNGSI BAHAGIAN**

i. Merangka, menyelaras dan memantau pembentukan sasaran serta kamus indeks petunjuk prestasi bagi aktiviti-aktiviti jabatan.

ii. Mengurus, menyelaras dan menganalisis data aktiviti jabatan.

iii. Menyelaras dan menerbitkan laporan aktiviti jabatan secara berkala.

iv. Merangka, mengkaji dan menyelaras dasar serta hala tuju jabatan bagi tujuan penambahbaikan melalui pelan strategik dan pelan tindakan.

v. Menyelaras dan memantau pematuhan jabatan terhadap konvensyen serta piawaian perburuhan antarabangsa yang diratifikasi.

vi. Mengurus, menyelaras dan memantau pembangunan, penyelenggaraan serta perolehan berkaitan sistem, rangkaian dan aset *Information and Communications Technology* (ICT) jabatan.

vii. Merancang, mengkaji dan menyelaras pembangunan standard serta kualiti aktiviti jabatan bagi memacu pengurusan jabatan yang bersistematik.

BAHAGIAN
# PERKHIDMATAN PEKERJAAN

Bahagian ini menyelaras, mengurus dan memantau pelesenan Agensi Pekerjaan Swasta (APS). Ini termasuk mengawal selia aktiviti merekrut oleh APS dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang berdasarkan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.



**PUAN MERIAM BINTI MOHD NOOR**
Pengarah

**UNIT DI BAWAH BAHAGIAN**

i. Unit Agensi Pekerjaan Swasta

---

**FUNGSI BAHAGIAN**

i. Memantau, mengurus, dan memproses pengeluaran lesen APS.

ii. Mengawal selia aktiviti merekrut pekerja tempatan, pekhidmat domestik asing dan pekerja bukan warganegara.

iii. Memantau, mengurus dan memproses pengeluaran dokumen pengenalan diri bagi pekerja APS.

iv. Menjalankan aktiviti pemantauan pematuhan berkaitan pelesenan APS.

v. Memantau dan mengurus aktiviti berkaitan permohonan penggajian pegawai dagang.

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras, memantau dan mengurus hal ehwal khidmat pengurusan merangkumi pengurusan sumber manusia, kewangan, perolehan, aset, pentadbiran am, komunikasi dan perhubungan awam jabatan. Ini bagi memastikan pengurusan operasi jabatan berjalan dengan cekap dan teratur menggunakan sumber kewangan dan perbelanjaan secara optimum.



**PUAN AZMAH BINTI BAKHIR**
Pengarah

### UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

i. Unit Pentadbiran Am
ii. Unit Sumber Manusia
iii. Unit Kewangan dan Akaun
iv. Unit Perolehan dan Pembangunan

---

### FUNGSI BAHAGIAN

i. Mengurus, menyelaras dan memantau pentadbiran jabatan seperti pengurusan fail, penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan jabatan, pengurusan dan pengemaskinian aset dan stor, serta menjaga keselamatan dokumen jabatan.

ii. Mengurus hal ehwal pembangunan organisasi dan perkhidmatan seperti perjawatan dan pelantikan, kenaikan pangkat, penilaian prestasi, tatatertib dan persaraan pegawai.

iii. Merancang, menyelaras dan menganjur program, kursus dan latihan dalam dan luar negara.

iv. Mengurus dan memantau peruntukan kewangan dan perakaunan jabatan supaya peruntukan yang diperolehi dibelanjakan dengan berhemat mengikut prosedur dan tatacara semasa.

v. Mengurus dan memantau perolehan dan projek pembangunan jabatan.

vi. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau aktiviti komunikasi korporat dan perhubungan awam jabatan.

# SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2022

# SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2022

**OPERASI PENGUATKUASAAN**
199

**KERTAS SIASATAN**
1,492

**PENDAKWAAN**
294

**KOMPAUN**
867

***TASK FORCE* AKTA 446**
9,271 | 15,582
Majikan diperiksa | Penginapan diperiksa

**PEMERIKSAAN BERKANUN**
31,606
Tempat pekerjaan diperiksa

**ADUAN**
9,444
Aduan dikendali

**KES BURUH**
12,236
Kes kendali

**PENGELUARAN PERAKUAN PENGINAPAN PEKERJA**
14,473

**PERMIT PERBURUHAN**
2,932
Permohonan dikendali

**AGENSI PEKERJAAN SWASTA BERLESEN**
1,176

# PENGUATKUASAAN

# UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

01 Akta Kerja 1955 (Akta 265)

02 Akta Standard Minimum Perumahan,Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)

03 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350)

04 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)

05 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732)

06 Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753)

07 Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369)

08 Akta Hari Kelepasan Mingguan 1950 (Akta 220)

09 Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670)

10 Akta Maklumat Pekerjaan 1953 (Akta 159)

11 Akta Kerja (Sekatan) 1968 (Akta 796)

12 Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273)

13 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612)

# PIAWAIAN PERBURUHAN ANTARABANGSA

Malaysia telah menjadi negara ahli *International Labour Organization* (ILO) sejak tahun 1957. ILO telah menggubal 190 konvensyen termasuk 8 konvensyen utama (*Fundamental Conventions*). Malaysia telah meratifikasikan enam daripada lapan konvensyen utama seperti berikut:

## TELAH DIRATIFIKASI

- **C029** – *Forced Labour Convention, 1930*
- **C105** – *Abolition of Forced Labour Convention, 1957 (Denounced in 1990)*
- **C098** – *Right to Organise and Collective Bargaining Convention, 1949*
- **C138** – *Minimum Age Convention, 1973*
- **C100** – *Equal Remuneration Convention, 1951*
- **C182** – *Worst Forms of Child Labour Convention, 1999*

## BELUM DIRATIFIKASI

- **C111** – *Discrimination (Employment and Occupation), 1958*
- **C87** – *Freedom of Association and Protection of the Right to Organise, 1948*

# PEMERIKSAAN

## PEMERIKSAAN BERKANUN

Pemeriksaan Berkanun merupakan salah satu aktiviti penguatkuasaan jabatan yang bertujuan untuk:

- Meningkatkan tindakan pembetulan dan pencegahan dalam kalangan majikan terhadap pematuhan undang-undang dan standard perburuhan.
- Menyampaikan maklumat dan memberi khidmat nasihat kepada majikan dan pekerja berkaitan undang-undang serta dasar perburuhan semasa.
- Mengumpul maklumat berhubung amalan baik di tempat kerja untuk perkongsian dengan industri.
- Memenuhi keperluan *Labour Inspection Convention* 1947 (No.81) yang telah diratifikasi oleh Malaysia yang menetapkan supaya setiap negara anggota (ILO) menjalankan pemeriksaan ke tempat-tempat pekerjaan sekerap mungkin bagi memastikan pematuhan undang-undang perburuhan.

Gambar rajah 1: Statistik pemeriksaan mengikut sektor yang dikelaskan di bawah *Malaysian Standard Industrial Classification* 2008 (MSIC) bagi tahun 2022.

| | | |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 2,752 |
| B | Perlombongan & Pengkuarian | 223 |
| C | Pembuatan | 4,820 |
| D | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara | 56 |
| E | Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan | 99 |
| F | Pembinaan | 1,158 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal | 10,597 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 626 |
| I | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 2,450 |

| Sektor | Aktiviti | Bilangan |
|---|---|---|
| J | Maklumat & Komunikasi | 248 |
| K | Aktiviti Kewangan & Insurans/ Takaful | 521 |
| L | Aktiviti Hartanah | 92 |
| M | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal | 628 |
| N | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan | 1,298 |
| O | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib | 1,062 |
| P | Pendidikan | 185 |
| Q | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial | 735 |
| R | Kesenian, Hiburan & Rekreasi | 87 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan Lain | 3,947 |
| T | Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan | 15 |
| U | Aktiviti Badan & Pertubuhan Luar Wilayah | 3 |
| V | Tidak Diklasifikasikan | 4 |

Sumber : JTKSM



Gambar rajah 1 di atas menunjukkan sebanyak 31,606 tempat pekerjaan telah diperiksa. Dua sektor tertinggi adalah sektor Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal iaitu sebanyak 10,597 dan Pembuatan sebanyak 4,820.

Gambar Rajah 2: Statistik pemeriksaan mengikut negeri dan notis pematuhan yang dikeluarkan bagi tahun 2022.




Gambar rajah 2 di atas menunjukkan jumlah pemeriksaan tertinggi dijalankan di Terengganu iaitu 4,489 daripada 31,606 jumlah keseluruhan pemeriksaan diikuti oleh Pulau Pinang iaitu sebanyak 3,799. Daripada keseluruhan jumlah pemeriksaan yang dijalankan, sebanyak 4,530 notis pematuhan telah dikeluarkan terhadap majikan yang didapati tidak mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang.

Sumber : JTKSM

Notis pematuhan dikeluarkan bertujuan memberi peluang kepada majikan membuat pembetulan terhadap ketidakpatuhan sebelum tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil. Jumlah notis pematuhan tertinggi yang dikeluarkan adalah di negeri Johor iaitu sebanyak 1,125 diikuti negeri Terengganu sebanyak 779.

## PEMERIKSAAN ESTET

Pemeriksaan estet merujuk kepada pemeriksaan ke atas estet yang dilaksanakan dengan kriteria tambahan iaitu pematuhan terhadap Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990. Aktiviti ini merupakan salah satu langkah yang berkesan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak majikan dan masyarakat pekerja estet.

Selain daripada memastikan pematuhan undang-undang oleh majikan, aktiviti ini juga membolehkan jabatan mengumpul maklumat berkaitan perumahan pekerja dan kemudahan asas pekerja estet.

Gambar rajah 3: Statistik pemeriksaan estet mengikut negeri bagi tahun 2022.




Sumber: JTKSM





Gambar rajah 3 menunjukkan sebanyak 1,615 pemeriksaan ke atas estet telah dijalankan. Pemeriksaan estet tertinggi telah dilakukan di Johor iaitu sebanyak 398 diikuti dengan Pahang sebanyak 335 dan Perak sebanyak 269.

## MAKLUMAT PROFIL ESTET BAGI TAHUN 2022

Gambar rajah 4: Statistik estet yang menyediakan perumahan pekerja mengikut negeri bagi tahun 2022.

| Jumlah Estet | Jumlah Estet Menyediakan Perumahan |
|---|---|
| 1,631 | 1,230 |

| | | |
|---|---|---|
| Johor | 326 | 276 |
| Kedah | 109 | 66 |
| Kelantan | 130 | 94 |
| Melaka | 65 | 58 |
| Negeri Sembilan | 103 | 95 |
| Pahang | 338 | 258 |
| Pulau Pinang | 9 | 4 |
| Perak | 360 | 224 |
| Perlis | 4 | 4 |
| Selangor | 83 | 73 |
| Terengganu | 104 | 78 |

Sumber: JTKSM

Gambar rajah 5: Statistik rumah estet berdasarkan kategori rumah mengikut negeri bagi tahun 2022.

| Jumlah Rumah Estet | Rumah Standard | Rumah Substandard |
|---|---|---|
| 50,450 | 29,814 | 20,636 |

| Negeri | Jumlah Rumah Estet | Rumah Standard | Rumah Substandard |
|---|---|---|---|
| Johor | 15,002 | 8,255 | 6,747 |
| Kedah | 2,779 | 1,650 | 1,129 |
| Kelantan | 2,978 | 1,933 | 1,045 |
| Melaka | 1,488 | 888 | 600 |
| Negeri Sembilan | 4,718 | 3,235 | 1,483 |
| Pahang | 8,597 | 5,929 | 2,668 |
| Pulau Pinang | 116 | 15 | 101 |
| Perak | 8,555 | 4,870 | 3,685 |
| Perlis | 18 | 6 | 12 |
| Selangor | 3,125 | 1,713 | 1,412 |
| Terengganu | 3,074 | 1,320 | 1,754 |

Sumber: JTKSM

Gambar rajah 6: Statistik sumber bekalan elektrik di estet mengikut negeri bagi tahun 2022.

| Sumber Awam | Sumber Sendiri | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|
| 500 | 298 | 798 |




Sumber: JTKSM

Gambar rajah 7: Statistik sumber bekalan air di estet mengikut negeri bagi tahun 2022.

| Jumlah Keseluruhan | Sumber Awam | Sumber Sendiri |
|---|---|---|
| 876 | 452 | 424 |

| Negeri | Jumlah | Sumber Awam | Sumber Sendiri |
|---|---|---|---|
| Johor | 210 | 107 | 103 |
| Kedah | 29 | 19 | 10 |
| Kelantan | 113 | 14 | 99 |
| Melaka | 39 | 32 | 7 |
| Negeri Sembilan | 79 | 64 | 15 |
| Pahang | 187 | 72 | 115 |
| Pulau Pinang | 1 | 1 | 0 |
| Perak | 139 | 88 | 51 |
| Perlis | 2 | 0 | 2 |
| Selangor | 47 | 33 | 14 |
| Terengganu | 30 | 22 | 8 |

Sumber: JTKSM

Gambar rajah 8: Statistik pusat asuhan kanak-kanak (PAKK) di estet mengikut negeri bagi tahun 2022.

| | |
|---|---|
| Johor | 49 |
| Kedah | 11 |
| Kelantan | 11 |
| Melaka | 5 |
| Pahang | 38 |
| Negeri Sembilan | 17 |
| Perak | 22 |
| Pulau Pinang | 1 |
| Selangor | 11 |
| Terengganu | 19 |
| **Jumlah PAKK** | **184** |

Sumber: JTKSM

Gambar rajah 9: Statistik klinik di estet mengikut negeri bagi tahun 2022.

| | |
|---|---|
| Johor | 131 |
| Kedah | 36 |
| Kelantan | 11 |
| Melaka | 14 |
| Pahang | 69 |
| Negeri Sembilan | 50 |
| Perak | 82 |
| Pulau Pinang | 1 |
| Selangor | 30 |
| Perlis | 1 |
| Terengganu | 21 |
| **Jumlah Klinik** | **446** |

Sumber: JTKSM

Gambar rajah 10: Statistik tempat ibadat di estet mengikut negeri bagi tahun 2022.

| | | Jenis Tempat Ibadat | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Negeri** | **Jumlah** | **Masjid / Surau** | **Kuil** | **Tokong** | **Gereja** |
| **Johor** | **466** | 264 | 137 | 57 | 8 |
| **Kedah** | **103** | 41 | 52 | 6 | 4 |
| **Kelantan** | **88** | 46 | 37 | 3 | 2 |
| **Melaka** | **61** | 16 | 35 | 6 | 4 |
| **Negeri Sembilan** | **191** | 94 | 61 | 27 | 9 |
| **Pahang** | **329** | 249 | 44 | 36 | 0 |
| **Pulau Pinang** | **12** | 2 | 4 | 6 | 0 |
| **Perak** | **269** | 98 | 156 | 7 | 8 |
| **Perlis** | **2** | 1 | 0 | 1 | 0 |
| **Selangor** | **123** | 45 | 63 | 3 | 12 |
| **Terengganu** | **81** | 79 | 1 | 1 | 0 |
| **JUMLAH** | **1,725** | **935** | **590** | **153** | **47** |

Sumber: JTKSM

Gambar rajah 11: Statistik jalan raya di estet mengikut negeri bagi tahun 2022.

| Negeri | Jarak Jalan (KM) Jalan Tidak Berturap | Jarak Jalan (KM) Jalan Berturap |
|---|---|---|
| Johor | 673.65 | 399.8 |
| Kedah | 29.95 | 22.25 |
| Kelantan | 608.35 | 137 |
| Melaka | 14.5 | 17.95 |
| Negeri Sembilan | 49.3 | 71.49 |
| Pahang | 362.06 | 132.5 |
| Pulau Pinang | 0.1 | 0 |
| Perak | 269 | 42,914.5 |
| Perlis | 0 | 0.6 |
| Selangor | 23.17 | 43.6 |
| Terengganu | 52.4 | 564.03 |
| JUMLAH | 2,048.38 | 44,303.72 |

Sumber: JTKSM

## PEMERIKSAAN PENGINAPAN PEKERJA

Pemeriksaan penginapan pekerja bertujuan memastikan majikan dan penyedia penginapan mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990. Akta ini terpakai kepada semua jenis industri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan serta mewajibkan semua penginapan termasuk penginapan berpusat mempunyai Perakuan Penginapan daripada Ketua Pengarah JTKSM.

Gambar rajah 12: Statistik pemeriksaan penginapan pekerja mengikut negeri bagi tahun 2022.




Sumber: JTKSM

Gambar rajah 12 di atas menunjukkan sebanyak 15,582 penginapan pekerja diperiksa pada tahun 2022. Pemeriksaan tertinggi dijalankan di Selangor iaitu 7,902 diikuti oleh Johor 2,809 pemeriksaan.

Pemeriksaan adalah berdasarkan senarai majikan yang menggajikan pekerja asing pada tahun 2020. Pemeriksaan ini mula dijalankan pada tahun 2021 dan diteruskan pada tahun 2022 bagi majikan yang tidak diperiksa.

# OPERASI PENGUATKUASAAN

## OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu merupakan operasi penguatkuasaan terhadap majikan atau tempat pekerjaan yang memfokuskan kepada isu perburuhan tetapi dijalankan bersama-sama agensi lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Operasi ini dilaksanakan selaras dengan bidang kuasa jabatan dan agensi-agensi yang terlibat berdasarkan isu-isu semasa.

### Impak Pelaksanaan Operasi Bersepadu

- Perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan.
- Mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja sedia ada.
- Memastikan pematuhan undang-undang perburuhan.
- Mengukuhkan aktiviti penguatkuasaan setiap jabatan atau agensi secara bersepadu.
- Perkongsian maklumat dan data perburuhan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) secara menyeluruh.
- Perancangan penguatkuasaan yang sistematik dan teratur.









Gambar rajah 13: Statistik Operasi Penguatkuasaan Bersepadu dijalankan mengikut negeri bagi tahun 2022.

| Negeri | Bilangan |
|---|---|
| Johor | 22 |
| Kedah | 15 |
| Kelantan | 7 |
| Melaka | 7 |
| Pahang | 15 |
| Negeri Sembilan | 8 |
| Perak | 19 |
| Pulau Pinang | 20 |
| Selangor | 44 |
| Perlis | 4 |
| WP Labuan | 1 |
| WP Kuala Lumpur | 22 |
| Terengganu | 15 |

Sumber : JTKSM

Gambar rajah 13 menunjukkan sebanyak 199 Operasi Penguatkuasaan Bersepadu telah dijalankan pada tahun 2022. Operasi penguatkuasaan yang tertinggi dijalankan di Selangor iaitu sebanyak 44 diikuti Johor dan Kuala Lumpur masing-masing sebanyak 22.

**Jumlah Operasi Penguatkuasaan Bersepadu**

**199**

## PENGUATKUASAAN AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007

JTKSM merupakan salah satu daripada lima agensi yang menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 bermula tahun 2010. JTKSM melalui Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) mempergiatkan operasi untuk membanteras aktiviti pemerdagangan orang khususnya buruh paksa.

Gambar rajah 14: Statistik pekerja yang diselamatkan daripada menjadi mangsa pemerdagangan orang bagi tahun 2022.




Sumber : JTKSM

Gambar rajah 14 menunjukkan seramai 31 orang pekerja yang disyaki menjadi mangsa pemerdagangan orang telah diselamatkan oleh PKP sepanjang tahun 2022 di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Mangsa yang diselamatkan bekerja di restoran, perkhidmatan pencucian dan pembersihan serta digajikan sebagai pembantu rumah.

## PENGUATKUASAAN AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

Pemberian kuasa penguatkuasaan termasuk mengkompaun kesalahan di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 telah diturunkan kepada JTKSM berkuatkuasa 1 Jun 2021 hingga 30 Jun 2022 bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di tempat pekerjaan.

Skop penguatkuasaan Akta yang dilaksanakan oleh jabatan melibatkan tempat pekerjaan di sektor swasta dan penginapan pekerja yang disediakan oleh penyedia penginapan berpusat.

## OPERASI *ONE VISIT POLICY*

Operasi *One Visit Policy* merupakan operasi penguatkuasaan undang-undang perburuhan secara bersepadu yang dilaksanakan oleh agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Operasi ini melibatkan JTKSM (agensi peneraju), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan (CKSP) dengan memberi tumpuan kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh setiap jabatan dan agensi.

Gambar Rajah 15: Statistik operasi *One Visit Policy* bagi tahun 2022.




Sumber : JTKSM

# PERMIT, PELESENAN DAN PERAKUAN

## PERMIT PERBURUHAN

Undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan jabatan membenarkan majikan memohon pengecualian pemakaian beberapa peruntukan dengan syarat tidak menjejaskan kebajikan pekerja.

**Jenis Permit Perburuhan Yang Dikeluarkan**

- Kebenaran membayar gaji lewat
- Kebenaran kanak-kanak dan orang muda mengambil bahagian dalam hiburan awam
- Kebenaran had kerja lebih masa
- Kebenaran potongan upah
- Pengecualian sekatan wanita kerja malam
- Kebenaran menyimpan daftar di ibu pejabat
- Kebenaran menyimpan daftar dalam bentuk lain
- Kebenaran mengumpul cuti rehat mingguan
- Pendahuluan gaji
- Kelulusan skim bayaran insentif
- Kelonggaran waktu kerja biasa atau kerja syif

Gambar rajah 16: Statistik permohonan permit perburuhan yang dikendali pada tahun 2022.

| | |
|---|---|
| Kebenaran membayar gaji lewat | 75 |
| Kebenaran had kerja lebih masa | 212 |
| Pengecualian sekatan wanita kerja malam | 295 |
| Kebenaran menyimpan daftar dalam bentuk lain | 470 |
| Pendahuluan gaji | 22 |
| Kelonggaran waktu kerja biasa atau kerja syif | 3 |
| Kebenaran potongan upah | 849 |
| Kebenaran menyimpan daftar di ibu pejabat | 994 |
| Kebenaran mengumpul cuti rehat mingguan | 12 |
| **Jumlah** | **2,932** |

Sumber : JTKSM

Gambar rajah 16 menunjukkan sebanyak 2,932 permohonan permit dikendali sepanjang tahun 2022. Permohonan tertinggi melibatkan permit kebenaran menyimpan daftar di Ibu Pejabat sebanyak 994 permohonan diikuti oleh permit kebenaran potongan upah sebanyak 849 permohonan. Kelulusan permit perburuhan yang dikeluarkan oleh jabatan dapat membantu industri mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan meningkatkan produktiviti tanpa mengabaikan kepentingan pekerja.

## PERAKUAN PENGINAPAN PEKERJA

Jabatan menerima dan memproses permohonan Perakuan Penginapan Pekerja bagi semua penginapan dan penginapan berpusat mulai 1 September 2020.

Gambar rajah 17: Statistik Perakuan Penginapan diluluskan mengikut negeri bagi tahun 2022.

| Negeri | Permohonan Selesai | Perakuan Dikeluarkan |
|---|---|---|
| Johor | 1,934 | 1,906 |
| Kedah | 349 | 299 |
| Kelantan | 109 | 109 |
| Melaka | 731 | 901 |
| Negeri Sembilan | 639 | 639 |
| Pahang | 305 | 305 |
| Pulau Pinang | 926 | 511 |
| Perak | 1,376 | 1,998 |
| Perlis | 9 | 37 |
| Selangor | 5,346 | 7,092 |
| Terengganu | 162 | 163 |
| WP Labuan | 10 | 10 |
| WP Kuala Lumpur | 532 | 503 |
| **Jumlah** | **12,428** | **14,473** |

Sumber : JTKSM

Gambar rajah 17 di atas menunjukkan sebanyak 14,473 perakuan penginapan telah dikeluarkan melalui 12,428 permohonan yang diselesaikan. Perakuan tertinggi dikeluarkan di Selangor iaitu sebanyak 7,092 diikuti Perak 1,998.

## PELESENAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA (APS)

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 merupakan salah satu akta yang dikuatkuasakan oleh jabatan bertujuan untuk mengawal selia APS di Malaysia dengan memperuntukkan mana-mana orang atau agensi yang melakukan aktiviti merekrut adalah wajib berlesen. Selain itu, pekerja APS juga diwajibkan mempunyai dokumen pengenalan diri bagi menjalankan aktiviti merekrut. Akta ini juga menjaga kebajikan pencari kerja yang menggunakan perkhidmatan APS dan memantau perjalanan aktiviti APS supaya mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Gambar rajah 18: Modal berbayar dan wang jaminan mengikut kategori lesen.

### Lesen A

Penempatan pekerjaan warganegara dalam negara

RM 50,000
MODAL BERBAYAR

RM 5,000
WANG JAMINAN

RM 5,000
WANG JAMINAN UNTUK TUBUH CAWANGAN BARU

### Lesen B

Penempatan pekerjaan warganegara di dalam dan luar negara dan pekhidmat domestik asing dalam negara

RM 100,000
MODAL BERBAYAR

RM 100,000
WANG JAMINAN

RM 30,000
WANG JAMINAN UNTUK TUBUH CAWANGAN BARU

### Lesen C

Penempatan pekerjaan warganegara di dalam dan luar negara dan bukan warganegara dalam negara

RM 250,000
MODAL BERBAYAR

RM 250,000
WANG JAMINAN

RM 100,000
WANG JAMINAN UNTUK TUBUH CAWANGAN BARU

Jadual 1: Statistik APS berlesen mengikut kategori dan negeri bagi tahun 2022.

| NEGERI | KATEGORI LESEN (INDUK) | | | KATEGORI LESEN (CAWANGAN) | | | KATEGORI LESEN (KESELURUHAN) | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | A | B | C | A | B | C | |
| Johor | 30 | 47 | 66 | 4 | 6 | 3 | 34 | 53 | 69 | **156** |
| Kedah | 6 | 7 | 14 | 0 | 1 | 0 | 6 | 8 | 14 | **28** |
| Kelantan | 0 | 3 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 4 | 1 | **5** |
| Melaka | 6 | 5 | 16 | 1 | 2 | 3 | 7 | 7 | 19 | **33** |
| N. Sembilan | 3 | 5 | 14 | 0 | 1 | 2 | 3 | 6 | 16 | **25** |
| Pahang | 2 | 3 | 5 | 0 | 0 | 0 | 2 | 3 | 5 | **10** |
| Pulau Pinang | 18 | 26 | 43 | 6 | 4 | 6 | 24 | 30 | 49 | **103** |
| Perak | 2 | 8 | 15 | 0 | 1 | 0 | 2 | 9 | 15 | **26** |
| Perlis | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | **1** |
| Selangor | 106 | 119 | 200 | 1 | 5 | 3 | 107 | 124 | 203 | **434** |
| Terengganu | 1 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 | **3** |
| WP K. Lumpur | 122 | 59 | 166 | 0 | 1 | 3 | 122 | 60 | 169 | **351** |
| WP Labuan | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | **1** |
| **JUMLAH** | **296** | **283** | **543** | **12** | **22** | **20** | **308** | **305** | **563** | **1,176** |

Sumber : JTKSM

Pada tahun 2022, terdapat sebanyak 1,176 APS berlesen melibatkan 563 kategori lesen C iaitu lesen APS paling banyak dikeluarkan manakala kategori lesen B sebanyak 305 dan kategori lesen A sebanyak 308. Bilangan APS dengan lesen tertinggi adalah di Selangor sebanyak 434 diikuti dengan Kuala Lumpur dengan 351.

Jadual 2: Statistik dokumen pengenalan diri APS bagi tahun 2022.

| NEGERI | KATEGORI LESEN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | |
| Johor | 30 | 95 | 204 | 329 |
| Kedah | 3 | 11 | 35 | 49 |
| Kelantan | 0 | 8 | 2 | 10 |
| Melaka | 4 | 11 | 43 | 58 |
| N. Sembilan | 0 | 7 | 36 | 43 |
| Pahang | 2 | 5 | 11 | 18 |
| Pulau Pinang | 16 | 49 | 115 | 180 |
| Perak | 1 | 12 | 40 | 53 |
| Perlis | 0 | 0 | 3 | 3 |
| Selangor | 116 | 220 | 514 | 850 |
| Terengganu | 0 | 2 | 4 | 6 |
| WP K. Lumpur | 85 | 91 | 424 | 600 |
| WP Labuan | 0 | 0 | 3 | 3 |
| JUMLAH | 257 | 511 | 1,434 | 2,202 |

Sumber : JTKSM

Pada tahun 2022, terdapat sebanyak 2,202 dokumen pengenalan diri yang telah dikeluarkan. Pengeluaran dokumen pengenalan diri tertinggi dikeluarkan bagi Selangor dengan jumlah 850, diikuti Kuala Lumpur sebanyak 600.

## KELULUSAN PELAN BANGUNAN DAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI

Mana-mana majikan estet yang hendak membina perumahan pekerja perlu mendapatkan kelulusan pelan bangunan mengikut Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990. Sijil Layak Menduduki (CF) hendaklah diperolehi daripada jabatan sebaik sahaja bangunan yang dibina disiapkan.

Gambar rajah 19: Statistik kelulusan pelan membina atau mengubahsuai bangunan dan sijil kelayakan menduduki (CF) bagi tahun 2022.

| Jumlah Kelulusan Pelan | Jumlah Sijil Kelayakan Menduduki (CF) |
|---|---|
| 252 | 72 |




Sumber : JTKSM

# PENGENDALIAN ADUAN

## ADUAN PERBURUHAN

Pengendalian aduan perburuhan secara efektif dan cepat adalah antara matlamat yang telah digariskan di dalam piagam pelanggan jabatan. Jabatan amat komited dalam memastikan pengendalian aduan yang diterima, disiasat dan diselesaikan dengan berkesan serta memuaskan hati pelanggan jabatan.

Aduan-aduan perburuhan ini diterima melalui pelbagai sumber seperti pemegang taruh, Biro Pengaduan Awam, media massa, badan bukan kerajaan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, laman sesawang, surat, telefon, emel, aplikasi *Working For Workers* (WFW) atau pengadu hadir ke jabatan.

Aplikasi WFW merupakan platform untuk pekerja menyalurkan aduan serta permasalahan berhubung isu perburuhan secara dalam talian melalui telefon mudah alih. Aplikasi ini membolehkan pengadu mengetahui status aduan yang dikemukakan dengan pantas.

Gambar rajah 20: Statistik kes aduan dikendali dan diselesaikan mengikut negeri bagi tahun 2022.







Gambar rajah 20 di atas menunjukkan sebanyak 9,444 kes aduan dikendali sepanjang tahun 2022. Kes tertinggi dikendalikan di Selangor sebanyak 2,709 diikuti oleh Johor sebanyak 1,729. Secara keseluruhan sebanyak 9,223 kes aduan telah berjaya diselesaikan manakala baki 222 kes yang diterima pada akhir Disember 2022 dikendali dan diselesaikan pada Januari 2023.

Sumber: JTKSM

## ADUAN GANGGUAN SEKSUAL

Akta Kerja 1955 menetapkan setiap majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual yang diterima. Sekiranya majikan enggan, pengadu yang tidak berpuas hati boleh merujuk perkara itu kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

Gambar rajah 21: Statistik aduan gangguan seksual mengikut negeri bagi tahun 2022.




Sumber: JTKSM

Gambar rajah 21 menunjukkan bahawa jabatan telah mengendalikan sebanyak 18 aduan gangguan seksual di tempat pekerjaan pada tahun 2022. Kes aduan tertinggi dikendalikan Johor sebanyak sembilan kes. Sebanyak 12 daripada 18 aduan gangguan seksual di tempat kerja berjaya diselesaikan manakala baki enam aduan yang diterima pada akhir Disember 2022 dikendali dan diselesaikan pada Januari 2023.

# KERTAS SIASATAN, KOMPAUN DAN PENDAKWAAN

Kertas siasatan adalah dokumen yang mengandungi keterangan dan bahan bukti pelanggaran undang-undang yang disediakan oleh pegawai penyiasat. Dokumen ini membolehkan tindakan kompaun atau pendakwaan diambil ke atas majikan setelah mendapat keizinan daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Jadual 3: Statistik keseluruhan kertas siasatan, kompaun dan pendakwaan yang dikendalikan mengikut negeri bagi tahun 2022.

| NEGERI | BILANGAN KERTAS SIASATAN | BILANGAN KES KOMPAUN | JUMLAH KOMPAUN DIBAYAR (RM) | BILANGAN KES PENDAKWAAN | JUMLAH DENDA DIBAYAR (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Johor | 287 | 185 | 828,200 | 55 | 89,500 |
| Kedah | 109 | 35 | 87,700 | 32 | 14,700 |
| Kelantan | 76 | 69 | 155,600 | 9 | 8,200 |
| Melaka | 49 | 33 | 121,200 | 21 | 75,200 |
| Pahang | 136 | 89 | 161,500 | 24 | 27,500 |
| Negeri Sembilan | 115 | 31 | 125,000 | 67 | 17,100 |
| Perak | 173 | 110 | 251,000 | 49 | 32,700 |
| Pulau Pinang | 117 | 111 | 175,000 | 3 | 1,000 |
| Selangor | 224 | 45 | 141,500 | 8 | 12,400 |
| Perlis | 25 | 8 | 0 | 0 | 0 |
| WP Kuala Lumpur | 95 | 88 | 170,500 | 5 | 0 |
| Terengganu | 80 | 60 | 100,600 | 20 | 11,100 |
| WP Labuan | 6 | 3 | 4,500 | 1 | 0 |
| **JUMLAH** | **1,492** | **867** | **2,324,100** | **294** | **289,400** |

Sumber : JTKSM

Jadual 3 menunjukkan sebanyak 1,492 kertas siasatan telah dibuka sepanjang tahun 2022. Sebanyak 867 kertas siasatan diberi izin kompaun dan 294 kertas siasatan diberi izin dakwa. Kompaun yang dibayar berjumlah RM2,324,100.00 manakala denda bagi pendakwaan berjumlah RM289,400.00.

# MAHKAMAH BURUH

Mahkamah Buruh merupakan platform mendengar dan memutuskan tuntutan pekerja terhadap majikannya berkaitan gaji dan faedah-faedah kewangan lain yang layak diperolehi di bawah undang-undang atau kontrak perkhidmatannya. Selain itu, majikan juga boleh menggunakan saluran ini untuk membuat tuntutan gaji ganti notis terhadap pekerjanya. JTKSM mempunyai sebanyak 66 Mahkamah Buruh di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.

## KES BURUH

